



## The Achievement of Islamic Medical Knowledge in the Educational Process at the Local University of Malaysia

SITI ZAFRINA MOHD ZAHARI<sup>1</sup>, TENGKU NAZATUL SHIMA TENGKU PARIS<sup>2</sup>, FAUZI AZMI<sup>2</sup>, MUHAMMAD MUZAKKIR OHTMAN@SEMAN<sup>1</sup>, SITI NORMA AISYAH MALKAN@MOLKAN<sup>1</sup> dan NURUL HIDAYAH CHE HASSAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, MALAYSIA

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, MALAYSIA

Email: [zafrina@uitm.edu.my](mailto:zafrina@uitm.edu.my) | Tel: +094602000/ +0129449035

Received: July 15, 2022

Accepted: September 07, 2022

Online Published: October 01, 2022

### Abstract

The phenomenon of spiritual problems is one of the challenges in the learning process in universities. This situation makes Islamic medical knowledge a necessity for individuals with skills and integrity, whether among civil servants, students, and the public. The purpose of this paper is to analyze the application and development of Islamic medical knowledge especially in the form of spiritual disorders in schools and universities in Malaysia. The study uses qualitative method through data collection and documentation analysis. The results of the study found that various studies and processes of application of Islamic medical knowledge related to spiritual have been carried out in the form of innovation, consultations, seminars, and classes of study especially in the university. The results of the study show that the Islamic medical knowledge in Malaysia has been emphasized in the aspect of indirect education as well as the use of technology that is the platform for announcement and research.

**Keywords:** achievement, Islamic medical, education, Malaysia, spiritual

## Pencapaian Ilmu Perubatan Islam dalam Proses Pendidikan di Universiti Tempatan Malaysia

### Abstrak

Fenomena masalah spiritual merupakan salah satu daripada cabaran dalam proses pembelajaran di universiti. Keadaan ini menjadikan ilmu perubatan Islam sebagai satu keperluan yang dimiliki oleh individu yang berkemahiran dan berintegriti samada dalam kalangan penjawat awam, pelajar mahupun orang awam. Penulisan kertas kerja ini bertujuan menganalisis aplikasi dan perkembangan ilmu perubatan Islam khususnya dalam bentuk gangguan spiritual di sekolah dan universiti di Malaysia. Kaedah kajian menggunakan metod kualitatif melalui pengumpulan data dan analisis dokumentasi. Hasil kajian mendapati pelbagai kajian dan proses penerapan ilmu perubatan Islam berkaitan spiritual telah dilaksanakan dalam bentuk penghasilan inovasi, konsultasi, seminar dan kelas pengajian terutama di universiti. Ini menunjukkan ilmu perubatan Islam di Malaysia telah diberi penekanan dalam aspek pendidikan secara tidak langsung di samping penggunaan teknologi yang menjadi medan hebat dan penyelidikan.

**Kata Kunci:** pencapaian; perubatan Islam; pendidikan; Malaysia; masalah spiritual

### 1. Pendahuluan

Masalah spiritual merupakan salah satu gangguan yang dialami oleh mana-mana individu tidak mengira umur, jantina, bangsa dan agama. Perkara ini juga dialami oleh pelajar sekolah dan pernah dipaparkan dalam akhbar tempatan. Menurut Zulkarnain Zakaria (2021), kejadian hysteria berkumpulan (*mass-hysteria*) yang berlaku di kawasan sekolah mempunyai kaitan dengan kehadiran makhluk halus seperti hantu, jin dan syaitan berdasarkan hasil temu bual dan pemerhatian bersama mangsa. Pada 18 Julai 2018, seramai 39 pelajar mengalami hysteria ketika perhimpunan sekolah pada awal pagi dan seterusnya dialami oleh lima guru selepas pelajar diberi rawatan dan



dibenarkan pulang (Nor Amalina Alias, 2018). Manakala peristiwa lain pula melibatkan orang awam menerusi video seorang wanita yang tular di media sosial kerana meracau dan mengaku sebagai iblis di sebuah wad hospital (Latifah Arifin, 2020). Namun apabila kejadian ini melibatkan golongan pelajar, dibimbangi akan memberi kesan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan) dan ke 4 (Pendidikan Berkualiti).

Kesejahteraan dan kesihatan pelajar dalam membentuk pendidikan yang berkualiti mempunyai cabaran dari pelbagai aspek seperti mental, fizikal, emosi dan spiritual. Aspek spiritual atau kerohanian merupakan salah satu daripada elemen kejadian manusia dan kepentingan memelihara aspek tersebut akan memberi impak dalam kehidupan. Menurut Salasiah Hanin et. al (2012), amalan spiritual adalah aspek penting yang dapat dikaitkan dengan prestasi pencapaian akademik pelajar. Apabila pelajar mengalami gangguan spiritual, golongan perubatan Islam akan dirujuk bagi merawat dan memulihkan mangsa dan keadaan sekeliling. Di Malaysia, terdapat banyak pengamal perubatan dan pusat rawatan khususnya Islam yang mendalmi ilmu perubatan Islam. Menurut Zulkifli al-Bakri (2011), ilmu perubatan Islam merupakan satu bidang ilmu atau amalan yang berasaskan ilmu perubatan yang terkandung dalamnya paradigma, konsep, nilai, tatacara ujian serta rawatan yang selaras dan tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. Di samping itu, wujudnya Akta 775 Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 yang telah diwartakan pada Mac 2016 bertujuan mengawal selia serta mengatur perjalanan beberapa perubatan tradisional dan komplementari disamping mengutamakan hak pesakit yang belum pernah dilakukan sebelum ini (Nor ‘Asyikin Mat Hayin & Muhammad Saufi Hassan, 2021). Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis pencapaian yang dihasilkan dalam perubatan Islam khususnya dalam bentuk gangguan spiritual di universiti di Malaysia. Kajian ini akan menganalisis aspek penyelidikan dan penghasilan inovasi serta pembudayaan ilmu dalam aspek pendidikan di Malaysia.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kombinasi kajian kepustakaan dan kualitatif. Data dikumpulkan melalui sumber primer dan sekunder. Semua maklumat berkaitan aplikasi perubatan Islam diperolehi melalui penerbitan artikel dan laman sesawang yang mengandungi maklumat berkaitan kelas pengajian/kursus/bengkel, klinik perubatan Islam dan seminar di 13 universiti tempatan yang bermula pada tahun 2010 sehingga kini. Kandungan kajian melibatkan jangka masa dua belas tahun kerana satu dekad merupakan tempoh perbandingan yang dapat memperlihatkan hasil pencapaian yang pelbagai pada abad ke-21. Kajian ini melibatkan elemen-elemen seperti kajian penyelidikan, penghasilan inovasi dan peralatan perubatan serta pembudayaan ilmu perubatan Islam kerana kajian-kajian sebelum ini hanya mengenalpasti salah satu daripada elemen tersebut.

## 3. Dapatan Kajian

Kesihatan merupakan anugerah dari Allah SWT yang amat bernilai dalam kehidupan manusia. Di dalam Islam, aspek kesihatan merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan kerana keperluannya dalam menunaikan ibadah. Justeru itu, konsep perubatan dalam Islam telah melalui beberapa peringkat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung iaitu bermula pada zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Menerusi pengamatan yang dilakukan bermula dari tahun 2010 sehingga kini, perkembangan ilmu perubatan Islam khususnya dari sudut spiritual di Malaysia dapat dilihat dalam perkara berikut:

- (a) Kajian penyelidikan
- (b) Penghasilan inovasi dan peralatan perubatan
- (c) Pembudayaan ilmu perubatan Islam



**Rajah 1:** Perkembangan ilmu perubatan Islam dalam aspek spiritual di Malaysia

(a) Kajian penyelidikan

Aspek spiritual perlu dibangunkan dalam diri manusia melalui empat pendekatan iaitu rabbaniyyah, tazkiyyah al-nafs, ilmu dan amal (Emie Sylviana, 2019). Pengkajian ilmu perubatan Islam khususnya dalam artikel jurnal di Malaysia dilihat amat memberansangkan dalam tempoh sepuluh tahun sejak kebelakangan ini berikutan pelbagai isu yang berlaku. Berikut adalah di antara topik kajian yang melibatkan aspek spiritual.

- i. Makhluk halus dan gangguan spiritual
  - ii. Ayat al-Quran dan hadith berkaitan perubatan Islam
  - iii. Tokoh dan penulisan kitab
  - iv. Pengamalan pusat rawatan Islam
- 
- i. Makhluk halus dan jenis gangguan spiritual

Menurut kamus Arab seperti al-Munjid, Lisan al-Arab, Mukhtar al-Sihah dan lain-lain, makhluk halus ialah roh-roh kotor atau jahat yang melakukan kejadian secara tersembunyi dan menakutkan anak-anak Adam dengan pelbagai-bagai cara (Dr. Haron Din, 2009). Berikut merupakan beberapa topik kajian berkaitan makhluk halus dan jenis gangguan spiritual.

**Jadual 1:** Makhluk Ghaib dan Gangguan Spiritual

Penulis	Topik dan Intipati Kajian
Mohd Zohdi, (2014)	<b>Jin dan syaitan</b> Mengkaji jin menurut Sunnah dan kaitan dengan kepercayaan remaja Melayu iaitu mempercayai kewujudan hantu dan jin merupakan sebahagian daripada hantu serta memberi kesan psikologi seperti takut, kurang berkeyakinan dan berfikiran negatif.
Mohamad Khairul Faiz & Khader, (2020)	<b>Penyakit ‘ain dalam hadith Rasulullah SAW</b> Mengumpulkan hadith berkaitan penyakit ‘ain dan terdapat sebelas hadith yang dijumpai.



### Sihir

Mohd Suhaimi, Khairul Hamimah & Mohd Afifuddin, (2019)

Mengenal pasti cabaran rawatan sihir tafriq seperti pertembungan antara kaedah perbomohan yang mencampuraduk kaedah yang melanggar syarak dan cabaran yang dihadapi pesakit seperti aspek fizikal, mental, rohani dan emosi.

### Histeria

Ezwan Rafiq Husin et al. (2018)

Di samping itu, terdapat percampuran antara simptom fizikal histeria kerasukan jin dan penyakit fizikal faktor klinikal yang memerlukan rawatan Allopathy atau Homeopathy dan histeria jenis sihir;

Perubatan ruqyah shar'iyyah membezakan antara tingkah laku pesakit histeria rasukan jin dengan pesakit histeria gangguan psikologi apabila dilihat dari reaksi dan kesan ruqyah seperti menjerit atau mengadu sakit, menderam, ketawa, menangis, bercakap kasar atau meracau, mencederakan diri atau meronta, bertutur bahasa asing atau pelik, berasa keletihan dan malas. Manakala pesakit histeria gangguan psikologi tidak mengalami perubahan sama ada semasa dan selepas rawatan ruqyah shar'iyyah.

Ezwan Rafiq Husin et al. (2014)

Beberapa kaedah pengukuran simptom fizikal bagi mengenalpasti histeria yang disebabkan oleh rasukan jin, iaitu beberapa keadaan pesakit beransur pulih selepas diruqyah seperti gangguan pandangan dan penglihatan, sakit seluruh tubuh, kelumpuhan atau kebas, kerdipan mata, nafas dan tubuh menjadi tenang dan bertenaga, kurang agresif, sendawa, mengantuk serta muntah, rasa panas, kesan bengkak dan lebam, meremang, berasa kejang pada tubuh dan nafsu seksual terkawal.

### Simptom-simptom lazim gangguan makhluk halus

Mohd Jim Hamzah, (2018)

Terdapat 10 perkara yang melibatkan empat konstruk iaitu:

- punca gangguan makhluk halus
- keadaan fikiran dan perasaan (berasa takut, berdebar-debar atau bimbang tanpa sebab)
- keadaan fizikal ketika jaga (berasa panas atau sejuk yang luar biasa pada mana-mana anggota badan, sakit kepala, pada waktu tertentu, sukar bernafas atau sempit dada pada waktu tertentu, badan terasa berat seakan memikul sesuatu, berasa sakit atau bisa seolah-olah ditusuk sesuatu yang tajam pada waktu tertentu dan ada sesuatu yang menyakitkan atau tidak menyakitkan bergerak-gerak atau beredar dalam tubuh)
- keadaan fizikal ketika tidur (gelisah dan sukar tidur malam dan sering bermimpi buruk dan mengerikan)

### Pendekatan terapi psikospiritual Islam di kalangan pelajar universiti

Siti Zafrina et al. (2020)

Menggunakan kaedah psikospiritual Islam dan bantuan asas dalam menangani gangguan spiritual pelajar di UiTM Pahang Kampus Jengka.

## ii. Ayat-ayat al-Quran dan Hadith Berkaitan Perubatan Islam

Kajian mengenai perubatan Islam berdasarkan sumber al-Quran dan Hadith dapat dilihat dalam perkara yang melibatkan penggunaan ayat al-Quran seperti dalam proses perubatan Islam. Antara kajian tersebut ialah seperti berikut:



**Jadual 2:** Ayat-ayat al-Quran dan Hadith Berkaitan Perubatan Islam

<b>Penulis</b>	<b>Topik dan Intipati Kajian</b>
<b>Mengkaji ayat al-Quran sebagai ruqyah dalam perubatan Islam</b>	
Hamidi & Sufyan, (2021)	Ruqyah yang kerap beserta bacaan ayat al-Quran dapat membantu memulihkan masalah kesihatan yang dihadapi oleh pesakit.
Sharifah Norshah Bani, (2011)	Ayat al-Quran semata-mata tidak dapat memberi kesan apa-apa kepada perawat dan pesakit;  Tertakluk kepada beberapa perkara seperti pergantungan hati yang kuat kepada Allah SWT, penjagaan kebersihan zahir dan batin, kesungguhan perawat dan penggunaan ayat dari sumber yang betul.
<b>Mengkaji penyelewengan ayat al-Quran di pusat rawatan Islam</b>	
Monika@Munirah, Khader & Nik Mohd Zaim, (2019)	Terdapat empat perkara iaitu menggabungkan ayat al- Quran dengan jampi serapah yang tidak difahami, dibaca secara terbalik (bacaan bermula dari belakang ke awal ayat) dan digunakan sebagai bacaan ruqyah atau jampi kepada pesakit, dijadikan sebagai tangkal atau menolak bala serta ruqyah naskah al-Quran atau sebahagiannya dijadikan bahan untuk mendampingi makhluk halus.
<b>Menghuraikan konsep al-sunnah dalam rawatan</b>	
Muhammad Masruri et al. (2017)	Perbincangan mengenai jenis, hukum, kaitan ruqyah dengan sifat tawakal, syarat serta kaedah rawatan ruqyah.
<b>Menganalisis hadith-hadith mengenai pendekatan dan kaedah rawatan Nabi SAW dalam rawatan sihir</b>	
Khader & Ishak, (2011)	Terdapat tujuh pendekatan dan kaedah rawatan melalui fiqh al-hadith seperti mengenalpasti tempat barang sihir disembunyikan, mengeluarkan bahan sihir dan membatalkannya, menanam dan memusnahkan bahan sihir, ruqyah pada mangsa sihir, memberi minum air ruqyah, tepukan dan mandi.

iii. Tokoh dan Penulisan Kitab

Terdapat kajian mengenai tokoh yang berkaitan berkaitan perubatan Islam yang disertakan bersama dengan hasil penulisan kitab. Antara kajian yang berunsurkan tokoh dan penulisan kitab perubatan Islam ialah seperti berikut:

**Jadual 3:** Tokoh dan Penulisan Kitab

<b>Penulis</b>	<b>Topik dan Intipati Kajian</b>
----------------	----------------------------------



---

### Ibn Qayyim al-Jawziyyah

Wan Hilmi & Hidayah,  
(2020) Gejala kemurungan dapat dirawat melalui lapan kaedah rawatan kitab al-Tibb al-Nabawi iaitu keyakinan dalam penyembuhan, zikir kepada Allah SWT, bacaan ayat suci al-Quran, makanan berkhhasiat, tafakur kepada Allah SWT, penggunaan ayat-ayat ruqyah, penjagaan solat, amalan sunat serta berpuasa.

Zulkiflee, (2015) Konsep al- shifa'dalam al-Quran dan metode rawatan perubatan Ibn Qayyim.

Nurazmallail, (2012) Mengkaji pengaruh persekitaran pendidikan, keilmuan serta menganalisa teks kitab al-Tibb al-Nabawi dan teras epistemologi perubatan Ibn Qayyim.

---

### Tuan Guru Haji Hasan bin Mat Saman

Ahmad Mujahideen,  
Abdullah & Mohd Zaki,  
(2020) Sumbangan Tuan Guru Haji Hasan bin Mat Saman atau dikenali sebagai Pak Chu Hasan Tok Wali kepada masyarakat setempat khususnya di Kelantan dan Selatan Thai dengan wujudnya Pondok Lati, Pasir Mas serta bantuan yang diberi kepada golongan yang susah khasnya pesakit dengan mendoakan dan memberikan air tawar (air penawar yang telah dibacakan doa, selawat dan ayat-ayat al-Quran).

---

### Dato' Dr. Haron Din

Farhah Zailah, Paiya &  
Ikmal Zaidi, (2019) Ketokohan Dato' Dr. Haron Din dalam perubatan Islam melalui 11 kriteria iaitu tempoh pengalaman yang lebih lama dalam bidang perubatan Islam (lebih 20 tahun), sumber ilmu yang berautoriti dalam bidang (berguru), murid yang berkualiti, pengasas pertubuhan perubatan Islam terkenal, testimoni tempatan atau antarabangsa, keahlian dan jawatan yang berprestij dalam bidang perubatan Islam peringkat negara, penyebaran ilmu ruqyah Islam yang meluas, penulisan karya perubatan Islam, polisi ruqyah patuh syariah, tiada unsur meraih keuntungan perniagaan serta pengurusan perubatan Islam yang sistematis.

---

### Dato' Ismail Kamus

Farhah Zailah, Paiya &  
Ikmal Zaidi, (2019) Faktor keberkesanan ruqyah Dato' Ismail Kamus merangkumi enam perkara iaitu aspek akidah, fiqh, tasawuf, akhlak dan adab, meneladani sunnah Rasulullah SAW serta kelebihan lain (keistimewaan peribadi perawat).

---

#### iv. Pengamalan Pusat Rawatan Islam

Topik kajian mengenai pusat rawatan Islam dan aspek perawat Islam ternyata mendapat perhatian berkaitan perubatan Islam. Terdapat pelbagai bentuk penelitian seperti peranan pusat rawatan, kaedah yang digunakan, panduan bagi pengamal perubatan Islam dan sebagainya. Berikut ialah antara kajian yang berkaitan pengamalan pusat rawatan Islam.



**Jadual 4:** Pengamalan Pusat Rawatan Islam

Penulis	Topik dan Intipati Kajian
	<b>Peranan pusat rawatan Islam</b>
Khader & Mohd Afifuddin, (2013)	Berperanan sebagai medium dakwah kepada masyarakat kerana menyediakan khidmat rawatan penyakit jasmani dan rohani, khidmat nasihat dan kaunseling secara tidak langsung, mendengar permasalahan pesakit serta menyediakan bekalan ubatan dan bahan keperluan rawatan.
<b>Kaedah pengubatan pusat rawatan Islam</b>	
Kasim & Sofia Hayati, (2019)	Kaedah rawatan Persatuan Perubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') mempunyai persamaan sebagaimana cara perubatan Nabi iaitu penggunaan ayat al-Quran, doa, bahan (air, buah – buahan herba, makanan, minuman, haiwan dan lain-lain).
Ahmad Najaa' et al, (2018)	Mendapati amalan khurafat seperti pengeras, puja hajat, alin telur, penggunaan jin dan syaitan, tilikan, tangkal azimat, penggunaan barang najis, diharamkan dan ganjil, air jampi, ilmu sihir, pembedahan batin, pukau dan hipnosis, tangkap jin, rawatan jarak jauh, mengeluarkan berbagai objek dari tubuh, <i>tahdir al-arwah</i> (kembara roh) dan kaedah khurafat yang lain.
Mohd Farhan et al. (2015)	70 pusat rawatan Islam di Malaysia yang terdiri daripada pusat rawatan ruqyah syar'iyyah, bekam dan aura (batin) dikaji berkaitan latarbelakang pengasas rawatan Islam, pusat rawatan Islam dan mendapati sembilan pengasas pusat rawatan Islam di Malaysia menyokong penggunaan jin dalam rawatan Islam yang terdiri dari ahli tariqat, golongan kebatinan dan tasawuf.
Khader, Mohd Farhan & Ishak, (2014)	Antara pandangan sembilan pusat rawatan Islam mengenai penggunaan jin dalam rawatan ialah terpulang kepada perawat sekiranya pakar dan menjadi tuan dan salah sekiranya menjadi hamba jin, harus tetapi tidak boleh sekiranya perawat tidak cukup ilmu, menjadi syirik dan berdosa jika jin berkuasa dan manusia mengharap pertolongannya, boleh sekiranya perawat memiliki ilmu dan darjah yang tinggi, harus sekiranya jin itu Islam dan boleh berkawan dengannya, boleh jika tidak mendatangkan masalah dan tidak menguasai perawat.
Mohd Farhan et al. (2013)	Terdapat 12 unsur dan enam teknik yang meragukan berkaitan elemen khurafat dan taybul dalam 70 pusat rawatan Islam di Malaysia iaitu unsur penggunaan jampi mentera, ilmu sihir untuk melawan sihir, tangkal dan azimat, mandi bunga, menggunakan ruqyah yang tidak difahami ucapannya, pengeras, mendatangi dukun, tukang tilik dan seumpamanya, kemenyan, pemutus ubat, bahan perantaraan perubatan, roh dan tahdir al-arwah dan istighathah kepada selain Allah. Manakala enam teknik tersebut ialah scanning (diagnosis), rawatan batin (aura), rawatan jarak jauh, membunuh jin, menarik jin dan memerangkap jin.



### Panduan perundangan di kalangan perawat Islam

Muna, (2020)

Garis panduan kepada badan kehakiman Syariah dalam menentukan pakar pengubatan Islam sebagai suatu keterangan pendapat pakar bagi kes jenayah sihir; Merangkumi syarat dan rukun ruqyah syar'iyyah, etika dan syarat pengamal perubatan serta prinsip dan etika perawatan Islam.

### **Membangunkan instrumen pengukuran pematuhan syariah bagi pengamal perubatan tradisional dan komplementari**

Mahyudin Ismail et al, (2020)

Terdapat lapan domain sebagai panduan iaitu bacaan ayat ruqyah, amalan perawat, kaedah rawatan, kaedah mengesan penyakit, bahan rawatan, tingkah laku dan etika perawat, latar belakang pendidikan perawat dan pengalaman perawat dalam rawatan. Ia boleh menjadi subjek pelengkap bagi I-Syifa yang dalam proses penguatkuasaan oleh JAKIM dan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari.

(b) Penghasilan inovasi dan peralatan perubatan

Penyelidikan sebagai teras utama kekuatan universiti membolehkan teknologi baharu diwujudkan (R. Badlishah Ahmad dan Norshah Aizat Shuaib, 2020). Teknologi yang wujud sama ada dihasilkan mahupun diperolehi daripada pihak luar turut memperlihatkan kepentingan ilmu perubatan Islam dalam aspek penyelidikan. Jadual 5 menunjukkan beberapa penghasilan inovasi dan pembelian alatan bagi tujuan perubatan Islam.

**Jadual 5:** Penghasilan Inovasi dan Peralatan Perubatan

Penulis	Topik dan Intipati Kajian
<b>Menghasilkan peralatan perubatan Islam (Rajah 2)</b>	
UMP, (2019)	Hasil inovasi sekumpulan penyelidik Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghasilkan ‘Kit Anti Histeria Manara’ mengandungi empat bahan rawatan iaitu sepit kayu, penyembur lada hitam, garam hidu ammonia dan cuka getah, buku manual panduan serta kaedah pemulihan histeria, matrik dan inventori bagi pengelasan inventori dan tahap histeria, poster Panduan Menangani Histeria Semudah ABC serta buku rekod histeria.
<b>Bernilai RM 8,750 dan mengambil masa tiga tahun</b>	
<b>Membeli peralatan elektronik mengesan aura manusia (Rajah 3)</b>	
Mohd Zulkifli, (2018)	Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sedang melaksanakan kajian saintifik bagi mengesan aura dan kehadiran makhluk halus atau jin dalam badan manusia yang bernilai RM15,000 dan telah dibeli dari Amerika Syarikat.
Nor Amalina, (2020)	Cadangan mewujudkan makmal dan penambahan peralatan dan mesin setelah berjaya mengesan kewujudan saka dalam badan individu yang dikaji oleh tiga penyelidik iaitu Prof Madya Dr Yohan Kurniawan, Dr Alexander Stark dan Dr Burhan Che Daud.
<b>Menghasilkan aplikasi mudah alih rawatan Islam (Rajah 4)</b>	
Berita Harian, (2015)	Universiti Teknologi Petronas (UTP) melancarkan aplikasi mudah alih Sistem Perubatan Islam secara Ruqyah atau ‘Mobile Islamic Ruqyah Medication System’ (M-IRMS) yang pertama di dunia bagi merawat



pelbagai masalah kesihatan melalui bacaan al-Quran dan hadis;

Menyediaan rakaman doa dan ayat suci al-Quran yang dibaca sendiri oleh pengasas pusat rawatan Islam terkenal, Darussyifa' Datuk Dr Haron Din.



**Rajah 2:** Menghasilkan peralatan perubatan Islam

(Sumber: <https://news.ump.edu.my/berita-harian/kit-histeria- ciptaan-ump>)



**Rajah 3:** Membeli peralatan elektronik mengesan aura manusia

(Sumber: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/360798/umk- dan https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/541333/cadang-wujud- makmal-kaji-mahluk-halus-metrotv>)



**Rajah 4:** Menghasilkan aplikasi mudah alih rawatan Islam

(Sumber: <https://play.google.com/store/apps/details?id=io.ruyahds.com, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/03/38726/utp-lancar- aplikasi-mudah-alih-rawatan-islam-pertama-di-dunia>



(c) Pembudayaan ilmu perubatan Islam

Melalui pengamatan, terdapat banyak hebahan dan pemahaman mengenai ilmu perubatan Islam melalui seminar dan kelas pengajian di beberapa universiti. Terdapat juga perancangan perubatan Islam bertaraf universiti yang melibatkan pusat rawatan Islam iaitu Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Malaysia (Darussyifa'). Menurut Abdul Rahman Ahmad, pihaknya akan bekerjasama dengan KUIS bagi merangka merangka modul pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda (Norizuan, 2018). Jadual 6 menunjukkan senarai beberapa senarai hebahan meliputi kelas pengajian, konsultasi dan seminar perubatan Islam dalam bidang akademik di universiti.

**Jadual 6:** Senarai Hebahan Ilmu dan Bidang Kepakaran Berkaitan Perubatan Islam di Universiti Malaysia

Bil	Perkara	Universiti
1	<b>Pusat Rawatan Islam</b>  Pusat Rawatan Kecil Darussyifa' Masjid Al-Azhar KUIS 2016 Pusat Rawatan Kecil Darul Syifa Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) 2020	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  Universiti Putra Malaysia (UPM)
2	<b>Konsultasi Perubatan Islam</b>  M.I Training & Consultancy Konsultan Bidang Amalan Pengubatan Islam & Perubatan Tradisional	Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP)
3	<b>Kursus Pengubatan Islam</b>  Kursus Pengubatan Islam (Kursus Jangka Pendek)  Kursus Pengajian (IIK2004 Warisan Perubatan Islam)	Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)  Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)
4	<b>Bimbingan dan Rawatan Islam</b>  Klinik RPBK (Ruqyah, Psikospiritual Islam, Bimbingan & Kaunseling) Sempena Minggu Terbuka Akademik (MiTA) 2019	Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)
5	<b>Seminar/Kursus/Ceramah Perubatan Islam</b>  J Program Wacana 'Ilaj Islam Siri 1/2021 (S.O.P. Rawatan Ruqyah Syar'iyyah Peringkat UiTM)  J Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) : "Perubatan dan Rawatan Islam dalam Mendepani Pandemik COVID-19" 2021	UiTM Shah Alam  UiTM Cawangan Sarawak, Samarahan



	J Seminar Perubatan Islam: “Mu’allij Profesional Peringkat Kebangsaan Siri Teras” 2020 J Ceramah ‘Santau, Sihir dan Saka’ 2018 J Seminar Perubatan Islam: “Rawatan Ikhtiar, Solusi Penyucian Rohani” 2017	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
	J Kursus Rawatan Islam “Vaksin Sihir 2021” J Kursus Rawatan Islam Islam Siri 1: First Aid Kit Dalam Perubatan Islam 2020 J Ceramah Perubatan Islam: “Sihir & Saka, Realiti di Tanah Melayu” 2019 J Kursus Rawatan Islam Islam Siri 1: Menjaga Kesihatan Menurut Sunnah 2020 J Kursus Rawatan Siri 1/2018: Rawatan Histeria J Kursus Rawatan Islam Siri 2/2018: Bahaya Sihir J Seminar Rawatan Islam Siri 2: Bedah Buku Biografi Jin 2018 J Kursus Rawatan Islam Siri 1/2017: Asas Perubatan Islam J Kursus Rawatan Islam Siri 2/2017: Vaksin Diri J Seminar Rawatan Islam 2016: Santau dan Penawarnya J Seminar Rawatan Islam 2015: Menyingkap Rahsia Alam Jin	UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka
	J Seminar Perubatan Islam dan Terapi Ruqyah 2019 dan 2017	Universiti Putra Malaysia (UPM)
	J Bengkel Penyelidikan Tentang SAKA 2019	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
	J Seminar Rawatan Islam dan Perang Sihir 2019 J Kuliah Perubatan Islam 2017	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
	J Simposium Rawatan Islam 2019	Universiti Multimedia Cyberjaya
	J Seminar Perubatan Islam 2018	UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah
	J Kaedah Perubatan Islam 2016	UiTM Shah Alam



	J Simposium Perubatan Islam Malaysia 2014	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh
	J Ceramah Perubatan Islam: "Bahana Saka" 2014	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
	J Seminar Perubatan Islam 2010	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

#### 4. Rumusan

Ilmu perubatan Islam merupakan suatu keperluan kepada masyarakat khususnya kepada Muslim yang berlandaskan sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat. Penghasilan keilmuan dan inovasi yang dilakukan seiring dengan zaman teknologi yang kian rancak. Ini menunjukkan kesungguhan para pengkaji meneliti isu yang berlaku berupaya dimanfaatkan serta dipraktikkan agar kesejahteraan spiritual pelajar dan masyarakat awam dapat dipelihara dengan baik. Oleh itu, pihak kerajaan perlu menyediakan peluang dan ruang kepada golongan pendidik, para akademik, sarjana dan golongan penyelidik untuk mendalami pengajian ilmu perubatan Islam. Para penyelidik juga perlu mempertingkatkan hasil kajian mengenai perubatan Islam agar aspek keilmuan terus berkembang.

#### Limitasi

Antara limitasi kajian ialahkekangan memuat turun sebilangan bahan kajian kerana bilangan yang melebihi ruang penulisan yang dikaji selama 12 tahun iaitu bermula pada tahun 2010 sehingga kini.

#### Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) UiTM Pahang Kampus Jengka dalam penganjuran Bengkel Penulisan Terindeks 2021 dan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) Cawangan Pahang di atas maklumat program berkaitan perubatan Islam dalam penulisan ini.

#### Rujukan

- Ahmad Mujahideen Haji Yusoff, Huzaini Hashim, Abdullah Awang Kechik dan Mohd Zaki Che Deraman. 2020. Tuan Guru Haji Hasan Bin Mat Saman: Sumbangannya kepada Masyarakat. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial Antarabangsa*. Vol 2. No. 2. Hal. 32-38.
- Ahmad Najaa' Mokhtar et al. 2018. Isu dan Masalah Akidah dan Syariah dalam Pengubatan Spiritual Islam di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*. Institut Agama Islam Al-Mawaddah Warrahmah Kolaka.1 (2). Hal. 131-154.
- Bahagian Hal Ehwal Islam Universiti Teknologi MARA Shah Alam. <https://www.facebook.com/HEIUiTMSA/>
- BERNAMA. 2015. 5 Mac. UTP Lancar Aplikasi Mudah Alih Rawatan Islam Pertama Di Dunia. Berita Harian Online. <https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2015/03/38726/utp-lancar-aplikasi-mudah-alih-rawatan-islam-pertama-di-dunia>
- Buku Panduan ID APIUM 20181019. <http://ebook.um.edu.my/API/ijazah%20dasar/files/basic-html/page160.html>
- Emie Slyviana Mohd Zahid, 2019. Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. Vol. 2. Hal. 64-87.
- Ezwan Rafiq Husin et al. 2014. Kajian Kes Simtom Fizikal Histeria Rasukan Jin di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam dan Tamadun*. UMRAN. Vol. 2. No. 1 Hal. 48-64.
- Ezwan Rafiq Husin et al. 2018. Tingkah Laku Histeria Menurut Perspektif Perubatan Ruqyah Shar'iyyah. *Jurnal Hadhari*. UKM. 10 (1). Hal 63-76.
- Farhah Zailah, Paiya Yama & Ikmal Zaidi. 2019. Dato'Dr. Haron Din (1940-2016): Tokoh Pengamal Perubatan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil. 12. Hal. 203-213.
- Farhah Zailah, Paiya Yama & Ikmal Zaidi. 2019. Amalan Perubatan Islam Ruqyah: Kajian Kes Dato' Ismail Kamus. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*. Hal. 443- 453.
- H. A. Rahman & S. Husin. 2021. Case Study of Using Ruqyah Complementary Therapy on a British Muslim Patient with Cluster Headache. *European Journal of Medical and Health Sciences*. Hal.5-7.



- Kaedah Perubatan Islam - [https://www.youtube.com/watch?v=Ve-UOV\\_aUdg](https://www.youtube.com/watch?v=Ve-UOV_aUdg)
- Kasim Ramli & Hayati Sofia Yusoff. 2019. Perubatan Nabi: Kefahaman Terhadap Sunnah dan Praktis Perawat. Jurnal Kemanusiaan dan Sains Sosial Islam (AL-'ABQARI) USIM. Vol. 17. Hal. 97-106.
- Khader Ahmad & Mohd Afifuddin. 2013. Peranan Perubatan Islam di Malaysia sebagai Medium Dakwah kepada Masyarakat. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 15-16 Mei 2013. Hal. 227-243.
- Khader Ahmad, Mohd Farhan & Ishak Suliaman. 2014. Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Latar Belakang Penggas dan Isu Penggunaan Jin Dalam Rawatan. Jurnal Usuluddin UM. Vol. 40. Hal. 71-98.
- Khader Ahmad & Ishak Suliaman. 2011. Realiti dan Cabaran Dalam Rawatan Islam: Analisis Hadith-hadith Tentang Pendekatan dan Kaedah Rawatan Nabi SAW Merawat Penyakit Sihir. Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah; Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD) Universiti Malaya. Ed. 1. Hal. 131-147.
- Kursus Sijil Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah. [https://www.facebook.com/Kursus-Sijil-Pengajian-Al-Quran-Al-Sunnah-kpqz-Apium-184672998260513/?ref=page\\_internal](https://www.facebook.com/Kursus-Sijil-Pengajian-Al-Quran-Al-Sunnah-kpqz-Apium-184672998260513/?ref=page_internal)
- Laporan Program Tahunan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pahang
- Latifah Arifin. 2020, 26 Jun. Jiwa Kosong ‘Pelawa’ Makhluk Halus Masuk. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/renanca/agama/2020/06/704435/jiwa-kosong-pelawa-makhluk-halus-masuk>.
- M.I Training & Consultancy. <https://www.mahyuddin.net/>
- Mahyudin Ismail et al. (2020). Developing Standard Measurement of Syariah Compliance for the Traditional and Complementary Medical Practitioners. Jurnal of Critical Reviews. Vol. 7(19). Hal. 7410-7417.
- Malay Mail. 1 Mei 2015. Varsity Sells Anti-Hysteria Kit For RM9,000 to Fight ‘Evil Spirit’. Malay Mail Online. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2015/05/01/varsity-sells-anti-hysteria-kit-for-rm9000-to-fight-evil-spirits/888313>
- Media KHAR. <https://www.facebook.com/mediaKHAR/posts/assalamualaikum-dan-salam-sejahtera-kepada-warga-upsi-dan-warga-khar-biro-latihha/1428401023880694/>
- Mohamad Khairul Faiz, Mohd Khadzali & Khader Ahmad. 2020. Penyakit ‘Ain dalam Perspektif Hadith dan Masyarakat Melayu. Jurnal Usuluddin. 48 (2). Hal. 133-173
- Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor. 2018, 17 September. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/09/474714/mahasiswa-diberi-maklumat-perbuatan-sihir>.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2015. Pusat Perubatan Alternatif Islam di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin dalam Rawatan. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 9. Hal.61-86.
- Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2013. Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. Global Journal Al-Thaqafah (GJAT). Vol. 3 (2): 79-90.
- Mohd Jim Hamzah. 2018. Simptom-simptom Lazim Gangguan Makhluk Halus Berdasarkan Kaedah Pengubatan Islam. Jurnal Penyelidikan Tempawan. Jilid XXXV. Hal. 78-91
- Mohd Suaimi Rozali, Khairul Hamimah Mohammad Jodi dan Mohd Afifuddin Mohamad. 2019. Sihir Tfriq dan Cabaran Rawatannya di Darul Ruqyah. E-Proceeding of the International Conference on Sosial Sciende Research 2019. 18-19 Novermber 2019. Imperial Heritage Hotel, Melaka. Hal. 56-64.
- Mohd Zohdi Mohd Amin. 2015. Jin Menurut Perspektif Sunnah dan Budaya Melayu: Analisis Kesan dan Kepercayaan dalam Kalangan Remaja. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya. [https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Zohdi-Mohd-Amin/publication/294685171\\_JIN\\_MENURUT\\_PERSPEKTIF\\_SUNNAH\\_DAN\\_BUDAYA\\_MELAYU\\_ANALISIS\\_KESAN\\_KEPERCAYAAN\\_DALAM\\_KALANGAN\\_REMAJA/links/5bc55d45299bf17a1c556921/JIN-MENURUT-PERSPEKTIF-SUNNAH-DAN-BUDAYA-MELAYU-ANALISIS-KESAN-KEPERCAYAAN- DALAM-KALANGAN-REMAJA.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Zohdi-Mohd-Amin/publication/294685171_JIN_MENURUT_PERSPEKTIF_SUNNAH_DAN_BUDAYA_MELAYU_ANALISIS_KESAN_KEPERCAYAAN_DALAM_KALANGAN_REMAJA/links/5bc55d45299bf17a1c556921/JIN-MENURUT-PERSPEKTIF-SUNNAH-DAN-BUDAYA-MELAYU-ANALISIS-KESAN-KEPERCAYAAN- DALAM-KALANGAN-REMAJA.pdf).
- Mohd Zulkifli Zainuddin. 2018, 23 Julai. UMK Kaji Alat Kesan Jin. Metro Online. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/360798/umk-kaji-alat-kesan-jin>.
- Monika@Munirah Abdul Razzak, Khader Ahmad & Nik Mohd Zaim Ab Rahim. 2019. Penyalahgunaan Ayat Al-Quran dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia. Journal of Nusantara Studies (JONUS) UNISZA. Vol.4 (2). Hal. 429-448.
- Muhammad Masruri, Jawiah Dakir, Ahamad Asmadi Sakat & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2017. Konsep Al-Sunnah dalam Rawatan Penyakit. Jurnal Hadhari: An International Journal UKM. Vol. 9 (1). Hal. 125-139
- Muna Hamzah. 2020. Garis Panduan Pemakaian Pakar Pengubatan Islam sebagai Suatu Keterangan Pendapat Pakar bagi Kes Jenayah Sihir. Jurnal Sains Sosial dan Pengajian Islam Antarabangsa. Islam Universaila. Vol. 2. No. 2. Hal. 410-435.
- Nor Amalina Alias. 2018, 18 Julai. 39 pelajar, 5 guru diserang dihisteria di sekolah. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/07/450736/39-pelajar-5-guru-diserang-histeria-di-sekolah>.
- Nor Amalina Alias. 2020, 2 Februari. Cadang Wujud Makmal Kaji ‘Makhluk Halus’. MetroTV. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/541333/cadang-wujud-makmal-kaji-mahluk-halus-metrotv>



- Nor Amalina Alias. 2020, 4 Februari. ‘Saka Lab’ at Kelantan University? New Straits Times.  
<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/02/562581/saka-lab-kelantan-university>
- Nor ‘Asyikin Mat Hayin & Muhammad Saufi Hassan. 2021, 30 Mei. Tingkat imej perubatan Islam.  
<https://www.hmetro.com.my/utama/2021/05/711720/tingkat-imej-perubatan-islam-metrotv..>
- Norizuan Shamsudin. 2018, 20 Mac. Bina Universiti Darussyyifa’. Metro Online.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/03/322720/bina-universiti-darussyyifa>.
- Nurazmallail Marni. 2012. Epistemologi Perubatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah di Dalam Al-Tibb Al-Nabawi. Tesis Kedoktoran UPM. <http://psasir.upm.edu.my>.
- Persatuan Psikospiritual Islam. <https://www.facebook.com/Persatuan-Psikospiritual-Islam-143178509686424/>
- Pusat Perubatan dan Kesihatan Holistik Nuraniyyah. <https://pusat-rawatan-islam-darun-nuraniyyah.business.site/posts/5650671849310592208?hl=en>
- Pusat Islam UPSI. <https://www.facebook.com/PusatIslamUPSI/photos/santau-sihir-saka-tajuk-ceramah-yang-bakal-menjadi-perbualan-hangat-di-tanjong-m/2056140704508156>
- Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah.  
[https://www.facebook.com/pusatislamums/photos/?tab=album&album\\_id=565373780196604](https://www.facebook.com/pusatislamums/photos/?tab=album&album_id=565373780196604)
- Pusat Rawatan Islam Darussalam Malaysia. <https://www.facebook.com/perubatandarussalam/posts/2871012159606711>
- Pusat Islam UPM  
[https://pic.upm.edu.my/aktivitiarkib/seminar\\_perubatan\\_islam\\_dan\\_pelancaran\\_pusat\\_rawatan\\_kecil\\_darul\\_syifa\\_masjid\\_upm-22039](https://pic.upm.edu.my/aktivitiarkib/seminar_perubatan_islam_dan_pelancaran_pusat_rawatan_kecil_darul_syifa_masjid_upm-22039)
- R. Badlishah Ahmad & Norshah Aizat Shuib. 2020. 11 November. SDG Perlu Ambil Kira Semua Lapisan Masyarakat. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/11/752889/sdg-perlu-ambil-kira-semua-lapisan-masyarakat>
- Sharifah Norshah Bani Syed Abidin. 2011. Ayat-ayat al-Quran sebagai Terapi Kerasukan Jin: Analisis dari Ayat-ayat Ruqyah Syar’iyyah. QURANICA International Journal of Quranic Research. Vol. 1. No. 1. Hal. 107-138
- Siti Zafrina Mohd Zahari et al. 2020. Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam di Kalangan Pelajar Wanita: Suatu Tinjauan Umum di UiTM Pahang, Kampus Jengka. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. UNISZA. 21 (2). Hal.216-228.
- Simposium Rawatan Islam – <http://www.ilmiah.com.my/>
- Simposium Perubatan Islam Malaysia. <https://www.facebook.com/>
- Wan Hilmi Wan Abdullah & Hidayah Zaki. 2020. Gejala Kemurungan: Kaedah Rawatan Melalui Pengubatan Al-Tibb Al-Nabawiy. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari UNISZA. 21 (3). Hal. 215-234.
- Universiti Putra Malaysia.  
[https://web.upm.edu.my/activities/2020/seminar\\_perubatan\\_islam\\_dan\\_pelancaran\\_pusat\\_rawatan\\_kecil\\_darul\\_syifa\\_masjid\\_upm-22039](https://web.upm.edu.my/activities/2020/seminar_perubatan_islam_dan_pelancaran_pusat_rawatan_kecil_darul_syifa_masjid_upm-22039)
- Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/pusatislam/news/kuliah-perubatan-islam/>
- Universiti Malaysia Kelantan. <http://umktv.umk.edu.my/global/325-kaedah-rawatan-islam-buang-perjanjian-dengan-jin-saka.html>
- Universiti Malaysia Pahang. <https://news.ump.edu.my/berita-harian/kit-histeria-ciptaan-ump>.
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. <https://ucity.wordpress.com/2010/10/23/>.
- Institut Alam dan Tamadun Melayu. <https://www.ukm.my/atma/news/seminar-rawatan-islam-perangi-sihir/>
- UiTM News Hub. <https://news.uitm.edu.my/majlis-konferensi-antarabangsa-islam-borneo-kaib-siri-2-diadakan-secaratas-talian/>
- Zulkiflee Haron. 2015. Konsep Al-Shifa’ dalam Qur’ān: Kajian Terhadap Metode Rawatan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya. <http://eprints.utm.my>.
- Zulkarnain Zakaria. 2021, 25 Februari. Misteri kejadian histeria di sekolah. Seorang demi seorang dirasuk...  
<https://utusantv.com/2021/02/25/misteri-kejadian-histeria-di-sekolah-seorang-demi-seorang-dirasuk/>.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2011. Perubatan Alternatif Mengikut Perspektif Islam: Satu Tinjauan. Kertas Kerja Seminar Islam Semasa dan Pengislaman Ilmu (Perubatan Alternatif: Amalan dan Kepercayaan Berdasarkan Prinsip-Prinsip Islam. Anjuran JAIS, Shah Alam. Selangor, 3 November.